



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN AWAL ADUAN BERKAITAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK DI BAWAH KENDALIAN AL-KAUTHAR EDUQIDS

PUTRAJAYA, 21 Januari 2026 – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menerima beberapa aduan awam melalui klip video yang tular di media sosial berhubung dakwaan pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang berlaku di beberapa buah pusat penjagaan kanak-kanak di bawah label Al-Kauthar Eduqids yang beroperasi di Sekysen 3 dan Kota Kemuning di Shah Alam serta Prima Puchong.

Sehubungan itu, JKM menerusi JKM Negeri Selangor telah menjalankan siasatan dan pemeriksaan pada 21 Januari 2026 (Rabu), jam 10.00 pagi di ketiga-tiga lokasi yang dimaksudkan. Hasil penemuan siasatan dan tindakan adalah seperti berikut:

- a. Pusat-pusat berkenaan menjalankan operasi penjagaan kanak-kanak merangkumi pelbagai kategori iaitu melibatkan kanak-kanak TASKA, TADIKA serta perkhidmatan pemulihan/terapi kepada kanak-kanak OKU. Justeru, siasatan ini turut melibatkan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) bagi tujuan semakan dan tindakan selanjutnya.
- b. Ketiga-tiga pusat tersebut **TIDAK BERDAFTAR sebagai operator TASKA** di bawah **Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984**. Susulan daripada penemuan tersebut, JKM Negeri Selangor akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan tindakan LAK ke atas ketiga-tiga pusat berkenaan.
- c. Premis pusat-pusat tersebut juga berada dalam keadaan yang tidak memuaskan, tidak kondusif dan tidak memenuhi ciri keselamatan yang sewajarnya.

- d. Bagi isu yang melibatkan dakwaan penderaan kanak-kanak, perkara tersebut telah dilaporkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan kini berada di bawah siasatan polis.
- e. JKM Negeri Selangor akan mengadakan pertemuan dengan pihak Al-Kauthar Eduqids bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

JKM ingin menegaskan bahawa aspek keselamatan, perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak merupakan keutamaan tertinggi dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di negara ini.

JKM merakamkan penghargaan dan menyambut baik sikap prihatin serta cakna masyarakat khususnya ibu bapa yang tampil menyalurkan maklumat berhubung kebajikan dan keselamatan kanak-kanak. Kerjasama ini amat penting dalam memastikan persekitaran asuhan yang selamat dan kondusif.

Justeru, JKM dari semasa ke semasa sentiasa mengingatkan ibu bapa untuk memilih dan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar kerana ia tertakluk kepada pematuhan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 termasuk standard minimum keselamatan, kebersihan, kemudahan fizikal serta nisbah pengasuh yang ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan TASKA tersebut mempunyai Plak Pendaftaran TASKA yang telah diserahkan oleh pihak JKM dan wajib dipamerkan di hadapan setiap premis TASKA berdaftar. Status pendaftaran TASKA boleh disemak menerusi Portal Rasmi JKM.

JKM akan terus komited melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan serta mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar peruntukan undang-undang. Kerjasama erat antara ibu bapa, komuniti dan agensi kerajaan amat penting bagi memastikan keselamatan kanak-kanak sentiasa terpelihara dan tidak dikompromi.

##TAMAT##

**DIKELUARKAN OLEH:
UNIT PERHUBUNGAN AWAM
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
21 JANUARI 2026**